

**SOALAN NO.: 22****PARLIMEN MALAYSIA****PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : Lisan****DARIPADA : Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik  
Mohamad [Pasir Puteh]****TARIKH : 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)****SOALAN : Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad  
[Pasir Puteh] minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
menyatakan dalam Transformasi Industri  
Pertanian, penternakan ternakan ruminan  
telah juga diperluas serta digalakkan secara  
integrasi di ladang tanaman kekal seperti  
kelapa sawit dan getah, terutamanya di  
estet-estet dan juga di rancangan tanah  
tersusun secara intensif. Berapa tan metrik  
pengeluaran daging ruminan yang telah  
dihasilkan daripada 2013 sehingga  
sekarang.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah melaksanakan dua (2) program berkaitan penternakan lembu secara integrasi di dalam ladang kelapa sawit. Melalui program pertama, DVS memberikan perkhidmatan teknikal di Kawasan Tumpuan Sasaran (KTS) manakala pelaksanaan program kedua adalah Projek *Entry Point Project 5* (EPP 5) di bawah Program NKEA.

Terdapat 29 KTS di seluruh Semenanjung Malaysia. Populasi ternakan lembu secara integrasi sehingga kini adalah berjumlah 194,464 ekor yang diusahakan oleh 1,499 orang penternak. Projek EPP 5 pula merupakan projek integrasi ternakan lembu dalam ladang kelapa sawit secara berskala besar. Projek EPP 5 telah bermula pada 2011 yang melibatkan 27 buah ladang di seluruh Malaysia. Projek EPP 5 telah berupaya meningkatkan populasi ternakan secara integrasi sehingga 41,843 ekor berbanding agihan asal oleh kerajaan berjumlah 7,588 ekor induk.

Pada tahun 2016 kedua-dua program integrasi ini telah menghasilkan 5,531 MT daging iaitu 11 peratus daripada anggaran keseluruhan 50.28 ribu MT pengeluaran daging lembu dalam negara. Jumlah pengeluaran daging ruminan (daging lembu/kerbau) mengikut daripada tahun daripada 2011 - 2016 adalah seperti jadual di bawah: -

<b>Tahun</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>
<b>Pengeluaran (Tan Metrik)</b>	42,835	51,277	51,715	52,901	50,493	50,283